



PEMAIN UniKL meraikan kejayaan menumpaskan Maybank dalam separuh akhir Piala TNB di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur semalam.

Keresahan iringi kemaraan UniKL ke *final*

KUALA LUMPUR 28 Feb. - Universiti Kuala Lumpur (UniKL) selangkah mempertahankan kejuaraan Piala TNB selepas mudah menewaskan Maybank 5-0 untuk agregat 9-1 dalam aksi separuh akhir kedua, hari ini.

Bagaimanapun ujian getir menanti juara liga itu apabila menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) dalam *final*, Sabtu ini kerana tidak dapat menurunkan empat pemain import berstatus bintang.

Ini kerana kesemua mereka terikat kontrak untuk beraksi dalam Liga Hoki Eropah (EHL) yang tidak membenarkan pe-

mainnya beraksi dengan mana-mana kelab bermula 1 Mac.

Jurulatih UniKL, Arul Selvaraj berkata, pemain import yang tidak dapat diturunkan dalam aksi akhir Sabtu ini ialah Valentin Verga, Robert Kemperman, Martijn Havenga dan penjaga gol utama David Harte.

"Sebab itu pada perlawanan hari ini saya cuba untuk tidak menggunakan keempat-empat pemain itu pada suku terakhir.

"Ia untuk pemain sedia ada membiasakan diri beraksi tanpa keempat-empat pemain import ini.

"Inilah juga masanya untuk kesemua pemain yang

ada membuktikan bahawa mereka mampu menggalas tugas pada aksi *final* nanti," kata Arul.

Seandainya berjaya mempertahankan gelaran pada Sabtu ini maka ia akan menjadi kejuaraan berganda buat UniKL pada musim ini selepas mengungguli aksi Liga Hoki Malaysia 2019.

Dalam aksi di Stadium Tun Razak, lima gol UniKL hari ini dijaringkan oleh Muhammad Razie Abd. Rahim pada minit ke-30 dan ke-50, Robert Huib Kemperman (m35), Muhammad Marhan Mohd. Jalil (m49, 59) dan Faridzul Afiq Mohd.



01 Mar 2019

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 55 • Printed size: 222.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 4,428.00
Item ID: MY0035261226

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

PEMAIN UniKL meraikan kejayaan menumpaskan Maybank dalam separuh akhir Piala TNB di Stadium Hoki Tun Razak. Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR 28 Feb. - Universiti Kuala Lumpur (UniKL) selangkah mempertahankan kejuaraan Piala TNB selepas mudah menewaskan Maybank 5-0 untuk agregat 9-1 dalam aksi separuh akhir kedua, hari ini. Bagaimanapun ujian getir menanti juara liga itu apabila menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) dalam final, Sabtu ini kerana tidak dapat menurunkan empat pemain import berstatus bintang.